

SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN ASET MAJLIS PASAR /
MEDAN SELERA / KIOSK DI KAWASAN BP 7 SELAMA SATU (1) TAHUN
BAGI TAHUN 2017 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

NO. SEBUT HARGA	MPSJ.KUB.400 – 10 / 2 / 187 (2016)
TARIKH BUKA	18 OKTOBER 2016
TARIKH TUTUP	31 OKTOBER 2016
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mpsj.gov.my**

NO. SEBUT HARGA : MPSJ.KUB.400 – 10 / 2 / 187 (2016)

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN ASET MAJLIS PASAR / MEDAN SELERA / KIOSK DI KAWASAN BP 7 SELAMA SATU (1) TAHUN BAGI TAHUN 2017 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1 – SS4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN F	F1
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 - 10
D	BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA	BS 1 - 9
E	PREAMBLES	P1-P2
F	JADUAL KADAR HARGA	A/1/1 - R/13/13
G	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 - 12
H	PELAN / LUKISAN / GAMBAR / LOKASI	P1



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

**SENARAI SEMAK DAN
PERAKUAN PETENDER**

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN TENDER DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MPSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa penilaian sebut harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang disebut harga. Justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Lembaga Mesyuarat Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian MPSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum tender ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MPSJ akan bertindak mengikut budi bicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MPSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan / bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Sila tandakan X bagi dokumen-dokumen yang tidak disertakan atau tidak berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
1	<p><u>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</u></p> <p>i) Salinan penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan Julai, Ogos dan September 2016 atau:</p> <p>ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi 2 (dua) tahun kewangan terakhir yang telah di sahkan bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja atau:</p> <p>iii) Sebarang salinan dokumen / surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini.</p> <p>Penyata bank diatas telah disahkan oleh pihak bank yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)</p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Borang sebut harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Surat akuan pembida (Lampiran F) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender /Sebut Harga
4	Salinan Borang 49 dan Borang 24 atau salinan Borang D atau Borang E. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Surat Setuju Terima yang disahkan bagi projek- projek telah disiapkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan atau Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (bagi kerja dikhususkan kepada bumiputera) (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Petender dikehendaki mengemukakan Bukti Pendaftaran di bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) (sekiranya berdaftar).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Lain-lain (Sila nyatakan) :		
	i) _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	ii) _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	iii) _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

* Sila potong mana tidak berkenaan

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :
--	--

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA

- LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN ASET MAJLIS PASAR / MEDAN SELERA / KIOSK DI KAWASAN BP 7 SELAMA SATU (1) TAHUN BAGI TAHUN 2017 UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

MPSJ.KUB.400 – 10 / 2 / 187 (2016)

Saya, nombor K.P. yang mewakili..... nombor Pendaftaran..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Subang Jaya** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau kepada mana-mana individu memberi rasuah dalam **Majlis Perbandaran Subang Jaya** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut harga di atas; atau
 - 2.2. penamatan kontrak bagi Sebut harga di atas; dan
 - 2.3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan
3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama:.....

No. KP :

Cop Syarikat :



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**ARAHAN KEPADA
PETENDER**



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**BORANG SEBUT HARGA DAN
SYARAT-SYARAT MEMBUAT
SEBUT HARGA**

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI :

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN ASET
MAJLIS PASAR / MEDAN SELERA / KIOSK DI KAWASAN BP 7
SELAMA SATU (1) TAHUN BAGI TAHUN 2017 UNTUK MAJLIS
PERBANDARAN SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

Mengikut Pelan-Pelan No. . RUJUK SENARAI PELAN dan lain-lain pelan terperinci yang diberi untuk menerangkannya.

Salinan-salinan Dokumen Meja Sebut Harga yang merangkumi Perjanjian Kontrak, Pelan-pelan tersebut di atas, Spesifikasi dan Dokumen Sebut harga yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis Sebut Harga dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga.

Kepada :

Yang Dipertua.

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA.

(pihak yang menerima Sebut Harga)

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Sebut Harga yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat Sebut harga dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen Sebut Harga, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Sebut Harga tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat- Syarat Kontrak dan Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa sebelum Surat Setuju Terima Sebut Harga dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan Ringkasan Sebut Harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Pengguna dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut Harga.

3. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar seperti berikut :

i)*.....% tambahan/kurangan ** (.....)peratus tambahan/kurangan** **nyatakan dalam perkataan**) daripada Jadual Kadar Harga seperti yang tersenarai dalam dokumen ini.

Nota: * sila isikan peratus yang ditawarkan kepada dua titik perpuluhan. (e.g 20.20)
**Sila potong yang tidak berkenaan

4. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa kadar peratus yang ditawarkan akan diselaraskan dengan Jadual Kadar Harga tersebut untuk menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

5. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM 25,000.00** sebulan dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di mana dan apabila perlu dijalankan.

6. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini berkuatkuasa sehingga selama **satu (1) tahun** tertakluk kepada kelulusan Pihak Majlis seperti di para 3 di atas adalah sebanyak **RM 300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai.

7. Bahwasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak Sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama amannya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

8. Yang bertandatangan di bawah ini berniat, jika Sebut harga ini disetujuterima, memilih salah satu daripada bentuk Bon Pelaksanaan seperti berikut:

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful atau
- d) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Sebut harga ini disetujuterima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju Terima Sebut Harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Insurans / Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (e) Petender akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak seperitimana ditetapkan oleh pihak MPSJ. Sila rujuk jadual Fi bayaran di **Lampiran A** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

10. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.
11. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Sebut harga ini berserta Surat Setuju terima Sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.
12. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Sebut Harga.

13. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika Sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Sebut Harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada Sebut Harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga atau,
- (c) jika sekiranya Sebut Harga telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada _____ haribulan _____ 2016.

Tandatangan Petender

Nama Penuh : _____

Atas Sifat : _____

Tandatangan Saksi

Nama Penuh _____

Pekerjaan : _____

Alamat : _____

Yang diberikuasa dengan sempurnanya
Untuk menandatangani Sebut Harga ini untuk
dan bagi pihak :

(Meteri atau Cop Petender)

SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.

2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagai mana ditetapkan dalam Notis Sebut harga, suatu Sebut harga yang sah dalam Borang Sebut Harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut Harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut Harga yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut Harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.

(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga, meletakkan harga dalam Jadual Kadar Harga yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setuju terima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan Ringkasan Sebut Harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Pengguna dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut harga.

3. Jika mana-mana petender:

- (a) menarik balik Sebut harganya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut Harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut Harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau
- (c) jika sekiranya Sebut harga telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tata tertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut Harga yang lain.

5. (a) Sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausa 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga.
 - (b) Jika sesuatu Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi Sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
 - (c) Mana-mana Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
 - (d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan Sebut harganya boleh dibayar kepadanya.
6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut Harga, maka adalah menjadi tanggung jawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Pengguna supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Pengguna atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan Sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraihan, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandungnya.
7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan Sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan Sebut harganya.
8. Sebut harga-sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan Sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

9. Majlis tidak boleh terikat menyetujuterima Sebut Harga yang rendah sekali atau sesuatu Sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebut harga.

10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setuju terima Sebut harga") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja mendeposit dengan Pegawai Pengusa, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Kontrak dan jika lau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut Harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetuju terima oleh Majlis.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Sebut Harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

17. Petender akan dikenakan **Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)** sebanyak **RM 100.00 sehari** sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditawarkan atau apa-apa dalam tempoh lanjutan yang diperuntukan.
18. Petender adalah terikat dengan Syarat-Syarat Kontrak dan Addenda Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203 (Rev. 1/2010) yang akan digunakan untuk kerja-kerja ini.
19. Petender adalah **diwajibkan mengemukakan Borang 49 dan 24** untuk perniagaan Sendirian Berhad dan **Borang D** atau **Borang E** untuk perniagaan tunggal bersama-sama dengan Dokumen Sebut harga ini. Petender yang gagal mengemukakan borang-borang berkenaan akan menjelaskan penilaian Sebut harga dan kemungkinan besar petender tidak akan dipertimbangkan.
20. Sekiranya kontraktor membuat **tuntutan palsu atau penipuan**, pihak MPSJ akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja akan ditamatkan serta merta.



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

PREAMBLES

Bil	Huraian
A	<p><u>PREAMBLES</u></p> <p><u>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</u></p> <p>Petender akan menanggung Fi Perkhidmatan Bagi Pengurusan Kontrak sepetimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada LAMPIRAN A dalam Arahan Kepada Petender.</p> <p><u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</u></p> <p>Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya.</p> <p>Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan jadual kadar harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja pembaikan mengikut spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan di dalam jadual kadar harga ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekira terdapat permasalahan di tapak.</p> <p>Bayaran akan dibuat berdasarkan arahan kerja dan kuantiti sebenar di tapak setelah kerja-kerja siap dijalankan. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kuantiti akhir yang akan diukur dan dipersetujui bersama kontraktor atau wakilnya dan Juruukur Bahan Majlis Perbandaran Subang Jaya atau wakilnya.</p> <p>Lokasi pembaikan akan ditetapkan atau dipersetujui oleh Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa melalui surat arahan kerja yang dikeluarkan.</p> <p>Setiap kerja-kerja yang dijalankan adalah termasuk upah buruh bagi membuka, meroboh, menanggal, menyediakan, membekal, memasang dan membina di tapak melainkan dinyatakan sebaliknya didalam Dokumen Kontrak tersebut.</p>

Bil	Huraian
	<u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (Samb)</u>
A	Setiap kerja yang dijalankan, perlu mematuhi arahan, spesifikasi dan standard Majlis . Sekiranya terdapat kecacatan atau kerosakan disebabkan oleh kesilapan kontraktor, Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa berhak menolak kerja tersebut secara bertulis. Kerja pembaikan semula perlu dijalankan oleh kontraktor tanpa mendapat bayaran tambahan dari Majlis .
B	Kontraktor perlu mengemukakan satu salinan kad hijau CIDB yang belum tamat tempoh bagi dirinya dan setiap pekerja berdaftar dengan syarikatnya yang akan menjalankan tugas dilokasi bagi kerja yang dinyatakan di atas. Ia perlu dikemukakan bersekali dengan dokumen sebut harga sebagai salinan yang telah diakui sah.
C	Kontraktor perlu mengemukakan kad hijau CIDB asal yang belum tamat tempoh bagi dirinya dan setiap pekerja berdaftar dengan syarikatnya yang akan menjalankan tugas dilokasi bagi kerja yang dinyatakan di atas. Ia perlu dibawa untuk pengesahan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya pada mesyuarat pertama pemilikan tapak yang akan diberitahu kelak.
D	Sekiranya pada bila-bila masa, terdapat pekerja kontraktor yang didapati tidak memiliki kad hijau yang sah, pekerja tersebut tidak akan dibenarkan memasuki kawasan kerja sehingga dia memilikinya. Kegagalan kontraktor mematuhi syarat ini akan membolehkan pihak Jabatan mengeluarkan 'notis pemberhentian kerja'. 'Notis penyambungan kerja' akan dikeluarkan apabila pihak kontraktor telah mematuhi syarat-syarat ini.
E	Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan dan but keselamatan selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor di denda sebanyak RM 50.00 bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan pada jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada jabatan.
F	Kontraktor perlu meletakkan seorang penyelia tapak sepenuh masa bagi memantau semua kerja pembaikan yang akan dijalankan. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan segera.
G	Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.
H	Pengiraan kuantiti sebenar adalah merujuk kepada kerja sebenar di tapak berdasarkan arahan kerja yang diberi oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya .



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

JADUAL KADAR HARGA



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

MAKLUMAT PETENDER



MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

**PELAN / LUKISAN /
GAMBAR / LOKASI**